

**D.R. 14/2006**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan No. 7 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1969.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ordinan No. 7 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pemotongan seksyen 5**

2. Ordinan No. 7 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1969 [*P.U. (A)307A/69I*] yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, dipinda dengan memotong seksyen 5.

**Pindaan seksyen 6**

3. Seksyen 6 Ordinan dipinda dengan memotong perkataan "; dan apa<sup>2</sup> pengubahsuaian yang di-buat itu hendak-lah di-tandakan dalam suatu peta sekil-besar dan satu salinan peta itu hendak-lah di-siarkan dalam *Warta* untuk perma'aloman umum".

**Pemotongan seksyen 7****4. Ordinan dipinda dengan memotong seksyen 7.**

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan No. 7 (Kuasa<sup>3</sup> Perlu) Dharurat, 1969 ("P.U. (A) 307A/1969").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memotong seksyen 5 P.U. (A) 307A/1969 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 6 P.U. (A) 307A/1969 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong seksyen 7 P.U. (A) 307A/1969 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006.

**IMPLIKASI KEWANGAN**

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[P.U.(U<sup>2</sup>) 2495]